

LATIH TUBI SET 8

KERTAS 1

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A
(20 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan
Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Di bawah pemerintah Islam, orang bukan Islam bebas mengamalkan ajaran agama, adat resam dan budaya.

Pernyataan di atas berkaitan :

- A. Prinsip Syumuliyah
 - B. Prinsip Waq'i'iyah
 - C. Prinsip Rabbaniyah
 - D. Prinsip Alamiyah
2. Berikut adalah cara memiliki sifat Rabbaniyah **kecuali**
- A. Mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya.
 - B. Bekerja bersungguh-sungguh untuk kesenangan hidup.
 - C. Berjihad dengan harta dan nyawa
 - D. Berakhlak mulia dan terpuji.
3. Antara ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam ialah menggalakkan manusia mencari
- A. Harta kekayaan yang halal
 - B. Harta kekayaan tanpa batasan
 - C. Harta kekayaan menurut syarak
 - D. Harta kekayaan yang banyak
4. Berikut adalah sumber utama perundangan Islam **kecuali**.
- A. Al-Quran
 - B. Al-Hadis
 - C. Al-Istihsan
 - D. Al-Ijmak

LATIH TUBI SET 8

5.

| |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✍ Kepentingan diri terpelihara ✍ Hidup lebih aman dan sejahtera ✍ Manusia sentiasa herdisinlin |
|--|

Maklumat di atas merujuk kepada hikmat menetapkan hukum

- A. Sunat
- B. Haram
- C. Makruh
- D. Harus

6.

| |
|--|
| Jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak mendatangkan dosa |
|--|

Pengertian di atas merujuk kepada hukum

- A. wajib
- B. sunat
- C. makruh
- D. harus

7. Manakah yang betul tentang proses kejadian manusia.

| | | | | |
|----|-------------|----------------------|----------------------|--------------------|
| A. | Permanian ➤ | Al-alaqah(Zigot) ➤ | Tulang dan daging ➤ | Al-mudghah(Embrio) |
| B. | Permanian ➤ | Al-alaqah(Zigot) ➤ | Al-mudghah(Embrio) ➤ | Tulang dan daging |
| C. | Permanian ➤ | Al-mudghah(Embrio) ➤ | Al-alaqah(Zigot) ➤ | Tulang dan daging |
| D. | Permanian ➤ | Tulang dan daging ➤ | Al-mudghah(Embrio) ➤ | Al-alaqah(Zigot) |

8. Apakah ciri kesempurnaan ibadat dalam Islam.

- A. Memenuhi tuntutan dan keperluan diri sendiri
- B. Memenuhi segala peraturan ibadat yang dilakukan
- C. Memenuhi tuntutan hukum wajib, sunat, makruh dan haram
- D. Niat yang ikhlas kerana Allah swt

9.

| |
|--|
| Piagam Madinah telah memperkenalkan konsep penyatuan umat kepada penduduk Madinah. |
|--|

Pernyataan di atas menjelaskan aspek :

- A. Syura
- B. Perpaduan
- C. Hubungan luar
- D. Hak asasi

10. Apakah syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat.

- A. Bekerja dengan berhati-hati
- B. Bekerja dengan mengikut syarak
- C. Bekerja dengan bersungguh-sungguh
- D. Bekerja dengan tekun

LATIH TUBI SET 8

Soalan 11 hingga 13 berdasarkan pilihan jawapan di bawah :

| A | B | C | D |
|---------|-----------------------|-----------|--------------|
| Ar-Rahn | Al-Bai' bithaman ajil | Al-Wadiah | Al-Murabahah |

11. Kontrak jualbeli barangan secara ansuran.
12. Satu bentuk simpanan dan pelaburan wang.
13. Satu cara menolong orang yang memerlukan barangan.
14. Pernyataan berikut adalah benar mengenai hadis **kecuali**
- Menguatkan hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran.
 - Menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal (ringkas).
 - Merupakan sumber rujukan yang pertama.
 - Menentukan maksud nas yang umum.
15. Berikut adalah pernyataan yang **benar** mengenai hadis
- Perkataan daripada Allah swt
 - Perbuatan Rasulullah s.a.w.
 - Dibukukan di zaman Rasulullah s.a.w.
 - Menghuraikan nas dari Al-Quran
- i dan ii
 - iii dan iv
 - ii dan iii
 - i dan iv
16. Matlamat perundangan Islam ialah
- Memelihara akal.
 - Memelihara alam sekitar.
 - Memelihara keharmonian.
 - Memelihara keturunan.
- i, ii dan iii.
 - ii, iii dan iv.
 - i, ii dan iv.
 - i, iii dan iv.
17. Kesalahan zina boleh dihukum menurut Al-Quran
- 100 kali sebatan bagi yang sudah berkahwin
 - 100 kali sebatan bagi yang belum berkahwin
 - Direjam hingga mati bagi yang sudah berkahwin
 - Direjam hingga mati bagi yang belum berkahwin
- i dan ii
 - iii dan iv
 - ii dan iii
 - i dan iv

LATIH TUBI SET 8

18. Tanggungjawab isteri
- Memberi layanan yang baik kepada suami
 - Mementingkan keluarga daripada suami.
 - Menjaga harta suami dengan baik.
 - Memelihara kehormatan diri.
- i, ii dan iii.
 - ii, iii dan iv.
 - i, ii dan iv.
 - i, iii dan iv.
19. Manakah antara berikut ciri-ciri orang yang beragama ?
- Reda dengan ketentuan Allah
 - Bersyukur atas nikmat Allah
 - Mementingkan keduniaan
 - Memiliki akhlak yang mulia
- i, ii dan iii.
 - ii, iii dan iv.
 - i, ii dan iv.
 - i, iii dan iv.
20. Manakah antara pernyataan berikut menerangkan ciri-ciri wahyu
- Wahyu datangnya dari Allah s.w.t.
 - Wahyu diturunkan kepada para Nabi dan Rasul
 - Wahyu mengandungi syariat dan hukum.
 - Wahyu diturunkan secara berterusan.
- i dan ii.
 - ii dan iii.
 - i, ii dan iii.
 - i, ii dan iv.

BAHAGIAN B

(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

1. Tuliskan istilah yang sesuai bagi jenis pekerjaan dalam ruangan yang disediakan.

a. Punca rezeki utama yang digalakkan oleh rasulullah s.a.w.

b. Produktiviti dihasilkan secara bersama dan pendapatan tetap.


c. Bebas membuat keputusan sendiri dan mendapat kepuasan hasil daripada usaha sendiri.

LATIH TUBI SET 8

2. Lengkapi pernyataan berikut.

- a.. Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur kepada nabi Muhammad s.a.w dalam tempoh _____ tahun.
- b. Surah yang terpendek dalam al-Quran ialah Surah _____.
- c. Naskah al-Quran yang bertulis tangan atau bercetak dinamakan _____.
- d. Naskah Al-Quran dibukukan pada zaman pemerintahan _____.
- e. Ayat al-Quran yang pertama diturunkan ialah surah _____.

3. Carta di bawah adalah mengenai alam.



- a. Namakan alam X.
X : _____.
- b. Alam Y ialah _____.
- c. Berikan contoh P.
P : _____.
- d. Berikan contoh Q.
Q : _____.

LATIH TUBI SET 8

4. Tandakan samada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan (✓) pada kotak berkenaan.

| | BENAR | SALAH |
|---|--------------------------|--------------------------|
| a. Seseorang nabi tidak semestinya rasul. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| b. Harta yang diperolehi dengan cara yang tidak halal memberi kesan negatif kepada individu, masyarakat dan negara. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| c. Vandalisme merupakan salah satu daripada bentuk pencerobohan harta. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| d. Orang yang tidak beriman dengan Tauhid Uluhiyyah menjadi sesat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| e. Pencuri dihukum potong tangan di pergelangan tangan kanan dan kaki kiri. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| f. Pengaruh asing memberikan kebebasan kepada manusia bertindak tanpa batasan, mencari kepuasan yang mutlak dan tidak terkawal. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| g. Riba aalah sistem yang diharuskan di dalam urusan jual beli. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| h. Ajaran al-Baha'i adalah satu contoh ajaran sesat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

| |
|-------------------|
| BAHAGIAN A |
| |

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT

(100 MARKAH)

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. i. Berikan pengertian wahyu dari segi istilah. [2 markah]
- ii. Jelaskan dua ciri wahyu. [4 markah]
- iii. Nyatakan dua perbezaan di antara wahyu dan akal. [4 markah]
- b. i. Terangkan tiga peranan akal kepada manusia. [6 markah]
- ii. Berikan empat contoh perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal. [4 markah]
2. a. i. Apakah yang dimaksudkan Islam sebagai Ad-Din. [2 markah]
- ii. Nyatakan dua bukti Islam agama yang unggul. [4 markah]
- iii. Nyatakan dua prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]
- b. i. Bagaimanakah anda menghayati sifat Rabbaniyyah dalam kehidupan. [6 markah]
- ii. Berikan dua contoh ibadat umum dan ibadat khusus. [4 markah]
3. a. Setiap pekerjaan menjadi ibadah apabila mencukupi syarat-syarat tertentu
- i. Terangkan syarat-syarat tersebut. [4 markah]
- ii. Nyatakan empat contoh pekerjaan yang dibenarkan oleh Islam. [4 markah]

LATIH TUBI SET 8

- b. Kapitalisme adalah fahaman yang bertentangan dengan Islam.
i. Apakah yang dimaksudkan dengan kapitalisme. [2 markah]
- ii. Nyatakan duan keburukan fahaman tersebut. [4 markah]
- c. Kemukakan tiga kesan negatif media massa terhadap perlakuan masyarakat. [6 markah]
4. a. Pekerjaan yang halal dituntut dalam Islam
i. Nyatakan dua hikmah pekerjaan yang halal dalam Islam. [4 markah]
ii. Nyatakan tiga kelebihan bekerja makan gaji. [6 markah]
- b. i. Apakah maksud falsafah munakahat. [2 markah]
ii. Nyatakan dua faedah perkahwinan dalam Islam. [4 markah]
iii. Berikan perbezaan antara talak dan fasakh. [4 markah]
5. a. i. Jelaskan pengertian insan. [2 markah]
ii. Berikan tiga keistimewaan kejadian manusia berbanding dengan makhluk lain. [6 markah]
iii. Huraikan proses kejadian manusia menurut al-Quran. [4 markah]
- b. Alam terbahagi kepada dua.
Nyatakan pembahagian tersebut beserta contohnya. [4 markah]
- c. Kemukakan tiga cara menangani masalah pencemaran alam sekitar. [6 markah]

LATIH TUBI SET 8

6. a. i. Jelaskan pengertian penyelesaian masalah. [2 markah]
- ii. Nyatakan dua matlamat penyelesaian masalah kepada masyarakat. [4 markah]
- b. Berikan empat sumber penyelesaian masalah dalam Islam. [4 markah]
- c. Berdoa salah satu cara penyelesaian masalah secara Islam.
- i. Terangkan tiga adab berdoa. [6 markah]
- ii. Kemukakan dua kesan berdoa dalam pembentukan peribadi muslim. [4 markah]
7. a. Masalah kejahilan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat Islam.
- i. Terangkan dua punca masalah tersebut. [4 markah]
- ii. Jelaskan tiga cara mengatasi masalah kejahilan. [6 markah]
- b. i. Kemukakan tiga sebab masalah kemiskinan berlaku di kalangan umat Islam. [6 markah]
- ii. Berikan dua cadangan untuk mengatasi masalah kemiskinan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LATIH TUBI SET 8

SKEMA KERTAS 1
BAHAGIAN A

- | | | |
|-------|-------|-------|
| 1. D | 2. B | 3. B |
| 4. C | 5. B | 6. C |
| 7. B | 8. A | 9. B |
| 10. B | 11. B | 12. C |
| 13. A | 14. C | 15. C |
| 16. D | 17. C | 18. C |
| 19. C | 20. C | |

BAHAGIAN B

1.
 - a. Perniagaan
 - b. Makan gaji
 - c. Bekerja sendiri

2.
 - a. 23 tahun
 - b. Al-Kauthar
 - c. Mushaf
 - d. Saidina Uthman Affan
 - e. Al-Alaq

3.
 - a. Musyahadah
 - b. Ghaib
 - c. Haiwan dll contoh yang bersesuaian
 - d. Alam Barzakh dll

4.
 - a. Benar
 - b. Benar
 - c. Salah
 - d. Benar
 - e. Salah
 - f. Benar
 - g. Salah
 - h. Benar

**SKEMA KERTAS 2
(100 MARKAH)**

| NO. SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|-------------------|---|-----------------------------------|
| 1. a. i. | <p>Wahyu pada bahasa ialah :</p> <p>Isyarat, ilham panduan, nasihat yang disampaikan ke dalam hati manusia. Wahyu pada istilah ialah : Kalam Allah sesuatu yang disampaikan kepada nabi dan rasul melalui malaikat Jibril mengenai syariat Allah untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.</p> | <p>1 isi x 2 [2 markah]</p> |
| ii. | <p>Ciri-ciri wahyu ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wahyu hanya disampaikan kepada nabi dan rasul • Kebenaran wahyu bersifat mutlak • Hukum wahyu kekal / tidak boleh dipinda • Wahyu tidak diturunkan lagi selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. • Wahyu mengandungi undang-undang Allah / syarak • Wahyu menerangkan perkara syam'iyat / perkara-perkara ghaib | <p>2 isi x 2 [4 markah]</p> |
| iii. | <p>Perbezaan di antara wahyu dan akal ialah :-</p> | |

| WAHYU | AKAL |
|--|---|
| 1. Wahyu disampaikan kepada para nabi dan rasul | 1. Akal adalah anugerah Allah kepada manusia |
| 2. Wahyu menjelaskan perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal manusia | 2. Akal dapat mencapai sesuatu benda yang dapat dirasa, dipegang atau dilihat sahaja. |
| 3. Kebenaran wahyu adalah mutlak | 3. Akal tidak berupaya membawa kebenaran mutlak |
| 4. Wahyu adalah kekal | 4. Dimiliki semua manusia |
| 5. Wahyu berhenti dengan wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. | 5. Akal terus berkembang |
| 6. Wahyu tidak boleh dipinda / diubah | 6. Akal boleh berubah-ubah |
| 7. Wahyu menerangkan perkara syam'iyat / perkara ghaib | 7. Akal bersifat sementara |
| 8. Wahyu merupakan kalam Allah | 8. Akal terdedah kepada salah dan silap |
| 9. Wahyu diperlukan untuk membimbing akal | 9. Akal hanya untuk memhami wahyu |

4 isi x 1
[4 markah]

LATIH TUBI SET 8

b. i. Peranan akal kepada manusia :-

- Akal dapat membezakan baik dan buruk
 - Dengan akal manusia dapat mengenal dan meyakini kewujudan Allah dan rasulNya
 - Akal dapat memandu manusia mengamalkan perintah Allah dan rasulNya
 - Akal meletakkan manusia ditahap yang mulia
 - Akal membolehkan manusia membina tamadun berteraskan wahyu
 - Akal membimbing manusia menjalani kehidupan yang diredai Allah
 - Penggunaan akal yang sempurna mampu menyelesaikan masalah dengan baik
- 3 isi x 2
[6 markah]

ii. Contoh perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal :

- Perkara ghaib (malaikat / jin)
 - Perkara syam'iyat (pahala dan dosa / syurga dan neraka)
 - Hukum agama
 - Cara beribadah
 - Rezeki, ajal dan jodoh
 - Zat dan sifat Allah
 - Hakikat kejadian alam
- 4 isi x 1
[4 markah]

2. a. i. Maksud Islam sebagai Ad-Din ialah : 1 isi x 2
[2 markah]

Islam ialah satu cara hidup.

ii. Bukti Islam agama yang unggul ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]

- Ajarannya meliputi seluruh aspek kehidupan manusia / lengkap dan sempurna
- Sesuai dengan fitrah semulajadi manusia
- Adil dan saksama
- Sesuai pada semua zaman, tempat dan keadaan

iii. Prinsip-prinsip Rabbaniyah ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]

- Islam agama yang dwahyukan oleh Allah
- Islam bersih dan jitu daripada kekurangan
- Seluruh alam dan isinya merupakan hak mutlak Allah
- Allah sebagai pencipta peraturan hidup

LATIH TUBI SET 8

- b. i. Cara menghayati sifat Rabbaniyah ialah : - 3 isi x 2
[6 markah]
- Percaya dan yakin dengan segala rukun Iman
 - Melakukan perintah Allah an meninggalkan laranganNya
 - Berjihad untuk meninggikan syariat Islam
 - Bekerja mencari keredaan Allah
 - Berakhlak mulia
- ii. Dua contoh ibadah umum ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]
- Bekerja
 - Belajar
- Dua contoh iabadah khusus ialah :-
- Solat
 - Puasa
 - Zakat
3. a. i. Syarat-syarat pekerjaan menjadi ibadah ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]
- Ikhlas kerana Allah
 - Tidak meninggalkan ibadah fardu
 - Tidak menjejaskan kepentingan orang lain
 - Pekerjaan tersebut hendaklah diharuskan oleh syarak
- ii. Contoh pekerjaan yang dibenarkan oleh Islam ialah :- 4 isi x 1
[4 markah]
- Bertani, berniaga, guru, doktor, buruh dan lain-lain
- b. i. Maksud kapitalisme ialah :- 1 isi x 2
[2 markah]
- Fahaman yang memberikan kebebasan mutlak kepada individu khususnya dalam pemilikan harta
- ii. Dua keburukan fahaman kapitalisme ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]
- Melebarkan jurang perbezaan antara hidup golongan kaya dan miskin
 - Monopoli, manipulasi dan riba dibenarkan untuk mendapat keuntungan yang besar
 - Berlaku penindasan, kezaliman dan pergaduhan
- c. Tiga kesan negatif media massa terhadap pemikiran dan perlakuan masyarakat ialah 3 isi x 2
[6 markah]
- Melalaikan manusia dari mengingati Allah seperti meninggalkan solat
 - Menggalakkan pergaulan bebas tanpa batasan.
 - Menjurus kepada akhlak buruk seperti meniru fesyen yang mendedahkan aurat.

LATIH TUBI SET 8

4. a. i. Dua hikmah pekerjaan yang halal menurut Islam :- 2 isi x 2
[4 markah]
- Mendapat keredaan / keberkatan Allah / mulia di sisi Allah
 - Mendapat ketenangan
 - Mendapat kesejahteraan dan keselamatan
 - Terjamin kejayaan yang berkekalan
 - Mendapat rezeki yang halal
- ii. Tiga kelebihan makan gaji ialah :- 3 isi x 2
[6 markah]
- Dapat merancang waktu cuti
 - Tanggungjawab terhadap kualiti dan produktiviti dipikul oleh majikan
 - Pendapatan tetap
 - Mendapat kemudahan seperti perubatan dan tempat tinggal
 -
- b. i. Maksud falsafah munakahat ialah : 1 isi x 2
[2 markah]
- Ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga dan menjaga keturunan umat manusia secara sah dan bertanggungjawab
- ii. Faedah perkahwinan dalam Islam ialah :- 2 isi x 2
[4 markah]
- Mendapat keterangan jiwa
 - Melahirkan rasa tanggungjawab di kalangan suami isteri
 - Memupuk semangat daya juang yang tinggi
 - Memelihara nasab / keturunan
- iii. 4 isi x 1
[4 markah]
- | Talak | Fasakh |
|--|---|
| Pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan isteri yang sah dengan lafaz talak atau seumpamanya | Pembatalan ikatan perkahwinan atau perceraian menurut keputusan kadi disebabkan syarat - syarat yang tidak dipenuhi |
5. a. i. Pengertian insan ialah : 1 isi x 2
[2markah]
- Makhluk istimewa yang mempunyai akal fikiran, boleh menerima ilmu pengetahuan dan dikurniakan fitrah atau nurani oleh Allah s.w.t.

LATIH TUBI SET 8

- ii. Tiga kelebihan manusia berbanding dengan makhluk lain :- 3 isi x 2
[6 markah]
- Memiliki akal fikiran
 - Menjadi pentadbir alam
 - Mempunyai bentuk fizikal yang sempurna dan menarik
 - Dilantik menjadi rasul
- iii. Proses kejadian manusia menurut Al-Quran : 4 isi x 1
[4 markah]
- Peringkat pernianian
 - Peringkat al-alaqah
 - Peringkat al- mudghah
 - Pembentukan tulang dan daging
 - Menjadi janin
- b. Pembahagian alam : 2 isi x 2
[4 markah]
1. Alam musyahadah contohnya manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan
 2. Alam ghaib contohnya malaikat, jin, syurga, neraka
- c. Cara mengatasi masalah pencemaran :- 3 isi x 2
[6 markah]
- Menjaga kebersihan persekitaran
 - Tidak merosakkan ekologi alam
 - Mengadakan kempen kesedaran
 - Mengetatkan undang-undang / mengambil tindakan tegas kepada pelaku pencemaran
6. a. i. Pengertian penyelesaian masalah : 1 isi x 2
[2 markah]
- Menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariat Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan.
- ii. Matlamat penyelesaian masalah kepada i dan masyarakat 2 isi x 2
[4 markah]
- Menegakkan keadilan
 - Melahirkan semangat kerjasama dan perpaduan
 - Hidup dengan aman dan selesa
- b. Sumber penyelesaian masalah dalam Islam : 4 isi x 1
[6 markah]
- Al-Quran
 - As-Sunnah
 - Ijmak
 - Qias

LATIH TUBI SET 8

- c. i. Tiga adab berdoa : 3 isi x 2
[6 markah]
- Berdoa dengan ikhlas.
 - Suci dari hadas.
 - Khusyuk dan tenang.
 - Mengadap kiblat.
- Memulakan dengan memuji Allah dan mengakhiri dengan selawat.
- ii. Dua kesan doa dalam pembentukan peribadi muslim : 2 isi x 2
[4 markah]
- Melahirkan rasa rendah diri kepada Allah.
 - Mengelakkan perasaan sombong dan riak.
 - Bertawakal kepada Allah.
 - Mendekatkan diri kepada Allah.
- 7 a. i. Punca masalah kejahilan : 2 isi x 2
[4 markah]
- Malas menuntut ilmu.
 - Leka dengan kemewahan hidup.
 - Kurang kesedaran tentang pentingnya ilmu.
 - Kemiskinan / tekanan hidup.
- ii. Cara mengatasi masalah kejahilan : 3 isi x 2
[6 markah]
- Memberi kesedaran tentang kepentingan menuntut ilmu.
 - Menyediakan kelas-kelas pengajian secara percuma.
 - Menyediakan peruntukan pendidikan yang mencukupi.
 - Menyediakan kemudahan asas dalam pendidikan.
- b. i. Tiga sebab masalah kemiskinan : 3 isi x 2
[6 markah]
- Tidak memahami konsep Qada' dan Qadar.
 - Mementingkan urusan akhirat semata-mata.
 - Kejahilan dalam agama.
 - Terlalu mengharapkan bantuan/subsidi/malas bekerja.
 - Umat Islam tidak mampu bersaing dengan bangsa lain / kurang kepakaran dalam bidang profesional.
- ii. Dua cara mengatasi masalah kemiskinan : 2 isi x 2
[4 markah]
- Meningkatkan kefahaman yang betul tentang konsep Qada' dan Qadar.
 - Memberi kesedaran tentang kepentingan bekerja.
 - Memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan.
 - Memberikan kursus-kursus kemahiran / kepakaran.

LATIH TUBI SET 8

LATIH TUBI SET 8

LATIH TUBI SET 8